

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 OGOS 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kerjasama 27 agensi MOSTI penting jana ekonomi negara	Utusan Malaysia
2.	SIRIM tumpu R&D industri kawalan automatik	Berita Harian
3.	SIRIM bantu kurang pekerja asing	Utusan Malaysia
4.	SIRIM tumpu R&D dalam industri automasi	KOSMO
5.	SIRIM beri tumpuan R&D industri kawalan automatik	Harian Metro
6.	Latikan baharu PAC 19 Oktober	Utusan Malaysia
7.	New PAC chief to be named on Oct 19	Malay Mail
8.	PAC Chief to be named on Oct 19	The Star
9.	Serangan Siber bahayakan keselamatan negara	BERNAMA
10.	Bahana cuaca meragam	Harian Metro
11.	JBPM sedia hadapi banjir	Harian Metro
12.	Half a million to be affected by Johor rationing	Malay Mail
13.	Gempa bumi kuat landa Kepulauan Solomon	BERNAMA
14.	Internet of Things offer endless, exciting possibilities	New Straits Times
15.	Two plead guilty mid-trial after change of heart	The Star
16.	False claims: duo fined RM150,000	The Sun

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13
TARIKH : 13 OGOS 2015 (KHAMIS)

Kerjasama 27 agensi MOSTI penting jana ekonomi negara

KUALA LUMPUR 12 Ogos - Kerjasama 27 agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) amat penting bagi memastikan agenda yang berkaitan dengan pembangunan inovasi dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Menterinya, Datuk Wilfred Madius Tangau berkata, langkah itu perlu dilakukan kerana MOSTI bukan sahaja berperanan untuk menjana ilmu pengetahuan tetapi juga menyumbang kepada kekayaan kepada negara demi kesejahteraan masyarakat.

“Selama ini, kita telah dipandu dengan dasar-dasar yang baik, namun apa yang lebih penting ialah meningkatkan hubungan kerjasama serta mengukuhkan kerja sebagai satu organisasi.

“Oleh itu, cabaran-cabaran yang dihadapi itu kita akan perincikan bersama pegawai-pegawai kementerian dan saya amat yakin dengan kerjasama mantap semua jabatan dan agensi sedia ada, kita mampu berhadapan dengan cabaran mendatang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MOSTI di Dewan Perdana Felda di sini hari ini.

Yang turut hadir timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur serta ketua-ketua jabatan.

Wilfred Madius menambah, kementerian itu juga mempunyai peranan yang cukup besar dalam merakyatkan bidang sains, teknologi dan inovasi kepada masyarakat di negara ini.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH dan Noorul Ainur Mohd. Nur (kiri) memberi duit raya kepada anak-anak yatim dalam majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur, semalam.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 6
TARIKH: 13 OGOS 2015 (KHAMIS)

SIRIM tumpu R&D industri kawalan automatik

Shah Alam: Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) akan memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutama bagi industri kawalan automatik.

Pengerusi SIRIM Berhad yang baharu, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata menerusi teknologi tinggi yang akan dihasilkan nanti, kerajaan mampu mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing.

Katanya, pemain industri juga tidak perlu lagi terlalu mengharapkan kepada tenaga sumber manusia untuk pengeluaran.

"Industri kawalan automatik berteknologi tinggi ini juga mampu membantu usaha mengurangkan jejak karbon (carbon footprint), sekali gus memberi kesan positif serta pulangan kepada pelaburan asal dan memberi sumbangan kepada pembangunan lestari negara.



Industri kawalan automatik berteknologi tinggi ini juga mampu membantu usaha mengurangkan jejak karbon (carbon footprint), sekali gus memberi kesan positif serta pulangan kepada pelaburan asal"

Dr Ahmad Tajuddin Ali,
Pengerusi SIRIM Berhad

katanya kepada pemberita pada Majlis Jamuan Raya Kumpulan SIRIM Bhd di SACC Convention di sini, semalam.

Tingkat kebersihan alam sekitar

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.

Pada masa sama, Ahmad Tajuddin berkata, melalui peningkatan penggunaan kelengkapan dan peralatan dalam industri, SIRIM akan memastikan alam sekitar tidak tercemar.

"Kita akan melihat bagaimana menerusi R&D nanti, kita dapat membantu mengurangkan pelepasan karbon daripada industri.

"Kita tidak buat (hasilkan teknologi mesra alam) tetapi akan membantu syarikat-syarikat pengeluar untuk melaksanakannya," katanya.

Cari alternatif baharu

"Sebagai badan yang bertanggungjawab melaksanakan R&D dalam pelbagai disiplin terutama teknologi di Malaysia, SIRIM akan meningkatkan tumpuan untuk mencari alternatif baharu dalam penggunaan produk berteknologi tinggi terutama membabitkan penggunaan kawalan au-

tomatik," katanya kepada pemberita pada Majlis Jamuan Raya Kumpulan SIRIM Bhd di SACC Convention di sini, semalam.

SIRIM bantu kurang pekerja asing

Oleh ZABRY MOHAMAD
ekonomi@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 12 OGOS

SIRIM Berhad (SIRIM) akan lebih menumpukan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutama industri automasi bagi membantu kerajaan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Pengerusi SIRIM yang baharu, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali berkata, menerusi teknologi canggih yang dihasilkan nanti, para pemain industri tidak lagi terlalu berharap kepada tenaga sumber manusia

untuk pengeluaran pada masa akan datang.

Menurutnya, teknologi sedemikian dilihat amat diperlukan terutama di sektor-sektor perladangan dan perkilangan.

"Kita (SIRIM) akan meningkatkan tumpuan kepada R&D khususnya industri automasi supaya negara pada masa depan tidak lagi terlalu bergantung kepada pekerja dari luar," katanya ketika ditemui pem-



AHMAD TAJUDDIN ALI

berita dalam majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri Kumpulan SIRIM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr.

Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Lebih 1,000 orang terdiri daripada pelanggan SIRIM, wakil-wakil agensi kerajaan dan pemain industri mengunungi majlis tersebut yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

Ahmad Tajuddin menambah, pada masa sama, SIRIM tidak lupa untuk memastikan alam sekitar tidak tercemar disebabkan peningkatan penggunaan teknologi canggih dalam industri pada masa depan.

"Kita akan melihat bagaimana menerusi R&D nanti, kita dapat membantu mengurangkan pelepasan karbon dioksida daripada industri.

"Kita tidak buat (hasilkan teknologi mesra alam) tetapi akan membantu syarikat-syarikat pengeluar untuk melaksanakannya," ujarnya.

